KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	14/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JAKOA			

SH 14.1.2022_24

Serangan harimau: Jakoa beri khidmat kaunseling kepada orang asli



Roslina (tujuh dari kanan) bersama Mohd Syahbuddin (enam dari kanan) semasa turun padang berjumpa dengan penduduk orang asli di Pos Bihai, Gua Musang.

GUA MUSANG - Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Kelantan turun padang memberi khidmat kaunseling kepada 2,000 orang asli di Pos Bihai dan Balar yang diselubungi ketakutan akibat serangan harimau.

Timbalan Pengarah, Roslina Bun berkata, khidmat kaunseling itu merupakan salah satu bentuk sokongan pihaknya kepada masyarakat orang asli supaya mereka tidak keseorangan dalam menghadapi ujian tersebut.

"Pada masa sama kata-kata nasihat dari segi penjagaan keselamatan turut diberikan kepada mereka supaya kembali bangkit," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Sementara itu, penduduk diminta tidak keluar dari kawasan perkampungan kerana bekalan makanan akan dihantar terus kepada mereka.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Mohd Syahbuddin Hashim berkata, langkah itu dilihat tepat bagi mengelakkan masyarakat orang asli keluar dari kawasan perkampungan sekali gus boleh mendedahkan mereka kepada bahaya.

"Setiap 10 hari, pihak kami akan masuk ke kawasan yang terkesan untuk menghulurkan bantuan makanan," katanya.